

# Paras air di dua empangan kritikal

**Kuala Lumpur:** Bacaan paras stok simpanan air di dua empangan utama berada di paras kritikal apabila kedua-duanya mencatatkan bacaan pada baki simpanan kod merah.

Empangan Labong, Johor dan Empangan Bukit Kwong, Kelantan masing-masing mencatatkan takungan pada tahap 10.35 peratus dan 11.96 peratus.

Berdasarkan laman web rasmi Info Kemarau Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), sehingga jam 5 petang semalam, tiga empangan turut mencatatkan bacaan stok simpanan air di bawah 50 peratus iaitu Empangan Pedu, Kedah iaitu 36.11 peratus, Empangan Muda, Kedah iaitu 30.90 peratus dan Empangan Semenyih iaitu sebanyak 36.79 peratus.

Manakala beberapa empangan lain iaitu Empangan Anak Endau, Pahang mencatatkan bacaan 60.25 peratus, Empangan Ulu Kinta, Perak dengan bacaan 99.04 peratus dan Empangan Klang Gate, Selangor sebanyak 65.23 peratus.

Sementara itu, berdasarkan laporan cuaca yang dikeluarkan Jabatan Meteorologi, kebanyakan model iklim antarabangsa kini menjangkakan keadaan neutral beransur-ansur menjadi La Nina pada Ogos ini dan kebarangkalian akan menjadi La Nina lemah adalah sekitar 75 peratus.

Kebanyakan kawasan di Semenanjung Malaysia pada

Julai dan Ogos ini dijangka menerima curahan hujan sederhana antara 100 milimeter (mm) hingga 250mm dan jumlah hujan dijangka meningkat sedikit pada September terutama di kawasan utara dan pedalaman Semenanjung.

Manakala bagi negeri Sarawak terutama di Kuching, Samarahan, Sri Aman dan Sibu pula dijangka menerima jumlah taburan hujan sedikit melebihi normal pada Julai ini dengan curahan hujan antara 200mm hingga 250mm manakala kawasan lain akan menerima hujan pada paras normal.

Namun, berdasarkan tinjauan cuaca pada Ogos sehingga Disember nanti, dijangkakan kebanyakan bahagian di Sarawak menerima jumlah hujan pada paras normal kecuali Bahagian Kuching, Samarahan dan Sri Aman yang menerima jumlah hujan sedikit melebihi normal pada bulan November 2016 dengan jumlah hujan antara 300mm hingga 450mm.

Kebanyakan kawasan di Sabah juga dijangka menerima curahan hujan pada paras normal sepanjang Julai hingga Ogos depan dan kesan fenomena La Nina yang dijangka berlaku pada September di samping musim taufan yang aktif di barat Lautan Pasifik akan meningkatkan curahan hujan di kebanyakan kawasan di Sabah.